

16/10/2000

Wabak: Ibu bapa tidak perlu panik

PENYAKIT tangan, kaki dan mulut (HFM) yang menular di seluruh negara membuatkan ibu bapa, terutama yang bekerja, berada dalam kebimbangan. Arahan demi arahan terhadap langkah berjaga-jaga bagi menghindari anak mereka daripada diserang penyakit itu, turut disalah anggap oleh sesetengah ibu bapa. Mereka mudah panik dan membayangkan arahan itu menunjukkan penyakit berkenaan berada pada tahap berbahaya.

Orang ramai, terutama ibu bapa yang mempunyai anak berusia di bawah lima tahun sebenarnya tidak perlu panik. Apa yang lebih penting, mereka perlu mematuhi arahan pihak berkuasa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mahu ibu bapa lebih peka dengan arahan itu, termasuk menutup semua tadika dan taman asuhan kanak-kanak (taska), demi kebaikan anak mereka. Ini bukanlah bermakna HFM sudah merebak di merata-rata tempat. Ia sekadar langkah berjaga-jaga.

Sememangnya, ibu bapa mempunyai tanggungjawab penting untuk memastikan anak mereka sentiasa berada dalam keadaan selamat. Tidak hairanlah apabila ada arahan seperti itu dikeluarkan, mereka mudah berasa cemas. Mereka begitu bimbang apabila arahan yang dikeluarkan mengarahkan semua taska ditutup. Mereka bukan saja bimbangkan anak mereka dijangkiti penyakit itu, malah mereka juga risau siapa yang akan menjaga anak mereka jika taska ditutup.

Kita yakin setiap ibu bapa sayangkan anak mereka dan tidak mahu anak mereka menghadapi masalah. Dalam hal ini, ibu bapa perlu membuat pertimbangan wajar demi keselamatan anak mereka. Ibu bapa yang masih tidak yakin dengan jaminan kerajaan bahawa penyakit itu terkawal, tidak perlu menghantar anak mereka ke taska. Mereka boleh memilih sendiri bagi mengatasi masalah siapa yang perlu menjaga anak mereka di rumah.

Pada peringkat ini, kerajaan mengambil langkah berjaga-jaga walaupun ada yang mendakwa tidak menyeluruh. Mereka, misalnya, mahukan kerajaan mengambil tindakan lebih tegas dengan membuat pemeriksaan terhadap rakyat Singapura yang memasuki Malaysia. Kita yakin kerajaan akan mengambil apa saja langkah bagi memastikan penyakit itu tidak membahayakan orang ramai, tetapi pada masa yang sama, orang ramai perlu tahu tanggungjawab masing-masing. Jika mereka tahu penyakit ini berbahaya, mereka sepatutnya mengambil langkah awal bagi menghindari anak mereka daripada dijangkiti penyakit HFM.

Kerajaan sudah menggariskan langkah ke arah itu dan mereka perlu melaksanakannya.

(END)